

**PEMBERITAHUAN WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : MQT**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJAH  
AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA  
HAJI MOHD DUN [ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kelebihan MyDaftar OKU dan adakah inisiatif ini dapat menyumbang kepada peningkatan pendaftaran OKU di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

MyDaftar OKU, merupakan inisiatif Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam meningkatkan pendaftaran OKU di Malaysia. Ini selari dengan Teras Strategik 8 Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang menggariskan tentang mewujudkan pangkalan data OKU dan sistem maklumat yang komprehensif.

Sehingga 31 Oktober 2021, terdapat seramai 583,427 orang OKU berdaftar dengan JKJ. Walau bagaimanapun jumlah OKU berdaftar masih kecil berbanding anggaran yang dibuat oleh *World Health Organisation* iaitu sekurang-kurangnya sebanyak 15 peratus populasi negara adalah terdiri daripada golongan OKU atau 4.8 juta populasi OKU di negara ini.

Kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya 2,000 OKU akan menerima Kad OKU Digital dalam bulan November ini. KPI ini dirangka dengan strategi untuk memastikan kesaksamaan dan peluang kepada Orang Kurang Upaya (OKU) bagi penyertaan penuh golongan ini ke dalam masyarakat.

Semenjak MyDaftar OKU ini dilancarkan pada 27 Oktober 2021, sejumlah 4,932 permohonan baharu sedang disantuni oleh JKJ. Ini bermakna, 4,932 orang OKU ini juga akan mendapat kad OKU digital.

Pengendalian permohonan pendaftaran OKU secara dalam talian ini akan memudahkan OKU seperti berikut:

- i. tidak memerlukan pengisian borang secara manual;
- ii. pengisian borang permohonan pendaftaran OKU dan pengesahan ketidakupayaan oleh pakar / pegawai / pengamal perubatan secara dalam talian sahaja dengan menggunakan Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU);

- iii. lebih cakna OKU kerana OKU tidak perlu hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah;
- iv. Kad OKU dapat diperolehi dengan cepat dalam tempoh 24 jam melalui dalam talian selepas diluluskan, tanpa menunggu penghantaran secara fizikal seperti yang dipraktikkan sebelum ini;
- v. Lebih mesra OKU kerana boleh disimpan di dalam telefon sahaja; dan
- vi. Memudahkan ketersampaian OKU kepada semua kemudahan yang mengapikasi Kod QR.

Kementerian optimis pelaksanaan inisiatif MyDaftar OKU ini dapat dilaksanakan sebagai salah satu *Quick Win* yang berimpak tinggi dan akan menyumbang kepada peningkatan pendaftaran OKU di Malaysia berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- Pertama: Sistem perekodan maklumat OKU yang lebih baik;
- Kedua: Meningkatkan kadar pendaftaran OKU di seluruh negara dengan capaian yang mudah kepada pendaftaran;
- Ketiga: Lebih ramai OKU mendapat manfaat inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan;
- Keempat: Membuka ruang kepada OKU untuk berdikari dengan penyertaan dalam sektor awam dan swasta melalui pendaftaran MyDaftar OKU; dan
- Kelima: Mengatasi kehilangan Kad OKU.

Mendepani era endemik yang tidak terjangkau cabarannya, pendaftaran golongan OKU menerusi platform MyDaftar OKU ini amat penting bagi Kementerian untuk merencanakan resolusi terbaik secara holistik yang

boleh menambah baik urus tadbir kerajaan dari sudut penggubalan dasar dan polisi yang mesra dan peka OKU.

Kementerian mengharapkan agar inisiatif ini mampu menginspirasi sebuah komuniti OKU Keluarga Malaysia yang lebih berkredibiliti selari dengan 3 prinsip utama yang menjadi tonggak kepada Kerajaan Keluarga Malaysia pada hari ini iaitu Makmur, Inklusif dan Mampan, dan yang penting tiada yang ketinggalan daripada mendapat segala manfaat yang disediakan.

Sekian, terima kasih.